

Azam pastikan² pingat emas

16 FEB 1989

S. Harlan (M)

WALAUPUN memenangi pingat perak bahagian *heavy* di Kejohanan Taekwondo Jemputan Sedunia pada 2 Februari lalu, Azam Mokhtar tidak akan meninggalkan kem latihan silat kebangsaan bagi menghadapi Sukan SEA, Ogos ini.

Sebaliknya, kejayaan itu menambah keyakinan bagi memastikan pingat emas acara silat *Kelas Bebas* pada sukan terbesar Asia Tenggara itu, menjadi miliknya jika terpilih mewakili skuad utama negara.

"Saya tetap bersama skuad silat negara. Penyertaan saya pada kejohanan taekwondo baru-baru ini, adalah sebagai mengisi kekosongan skuad Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

"Tenaga saya begitu diperlukan bagi membantu majikan saya di kejohanan itu. Ia tidak bermakna saya sudah berubah sikap. Malah secara kebetulan pula, saya turut mempunyai asas taekwondo," kata Azam, semalam.

Bagaimanapun, dia berharap Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) memahami maksudnya bertanding di Kejohanan Jemputan Sedunia itu.

Pada kejohanan itu, Azam dikedudukan oleh jaguh kebangsaan, Rashid Che Omar. Dia pada separuh akhir sebelum itu, menewaskan peserta Indonesia.

"Saya masih cintakan silat. Sebab itu, saya mahu berusaha bersungguh-sungguh memastikan tempat di Sukan SEA nanti. Sekarang, saya terpaksa bersaing dengan pesilat Kelantan, Mohd Zain Yaakob bagi merebut tempat itu," kata pesilat ATM itu.

Menurutnya, bagi menghadapi cabaran di Sukan SEA nanti, dia terus berlatih, terutama di segi ketepatan dan kepaduan sewaktu melancarkan serangan.

Dia kini menjalani latihan di Kem Genting Klang dan ada waktunya mengadakan latihan berlawan dengan peserta-peserta taekwondo ATM.

"Sebenarnya, dalam teknik berlawan tidak terdapat banyak perbezaan antara silat dan taekwondo. Saya banyak menimba teknik taekwondo terutama bagi memastikan ketangkasan, ketepatan dan kepaduan tumbukan dan tendangan.

"Bagaimanapun, saya terus mempraktikkan teknik silat yang dipelajari ketika latihan pusat. Saya pasti, gabungan teknik ini mampu menyumbangkan pingat emas kepada sukan silat jika terpilih mewakili negara nanti.

"Apa yang saya lakukan ini bertujuan mengharumkan nama negara. Ia tidak bermakna saya memperkecilkan teknik silat. Bagi saya silat tetap yang terbaik, tetapi untuk sukan ia memerlukan kemahiran di segi teknik yang baik," kata Azam.

Katanya, sebelum ke Sukan SEA, dia mahu memastikan dipilih mewakili negara ke Kejohanan Jemputan Brunei Darussalam pada bulan depan.

"Jika dipilih, saya tidak mahu pulang dengan tangan kosong. Yang penting bagi saya musim ini ialah mengumpul sebanyak pingat untuk negara baik dalam Sukan SEA atau mana-mana kejohanan bertaraf antarabangsa," kata Azam.